

**BANK ISLAM MEMPERKENALKAN MASTERCARD MOVE**

Menawarkan penyelesaian pemindahan dana digital dengan selamat dalam Malaysia dan merentasi sempadan

KUALA LUMPUR, Isnin, [30 Jun 2025]: Bank Islam Malaysia Berhad (Bank Islam atau Bank) menjadi institusi kewangan yang pertama di Malaysia yang menggunakan pakai Mastercard Move, satu penyelesaian pemindahan tunai yang membolehkan transaksi dalam Malaysia dan rentas sempadan disempurnakan dengan lancar menerusi integrasi bersama rangkaian global Mastercard.

Penyelesaian telus dan menyeluruh tersebut bertujuan untuk memudahkan operasi, mengoptimumkan kecairan, mengurangkan risiko Bank Islam dan pelanggan korporatnya. Perkhidmatan baharu ini akan ditawarkan pada suku ketiga 2025 melalui eBanker Pro iaitu platform pengurusan tunai dan akaun Bank Islam berdasarkan Internet yang khusus untuk pelanggan korporat.

Ketua Pegawai Perniagaan Kumpulan Bank Islam – Institusi Perbankan, Sharifah Sarah Syed Mohamed Tahir, berkata bahawa penambahbaikan perkhidmatan ini akan memudahkan pembayaran merentasi sempadan untuk pelanggan yang melaksanakan Pemindahan Telegrafik Luar Negara (*Foreign Outward Telegraphic Transfer - FOTT*). Pelanggan boleh menyelesaikan transaksi FOTT dalam masa 15 minit selepas penyerahan.

Pada Februari 2025, Bank Islam telah memproses 3,919 transaksi rentas sempadan yang bernilai melebihi RM169 juta. Dengan penerapan Mastercard Move, Bank menjangkakan jumlah urus niaga berkembang hingga ke 20% tahun ini, didorong oleh masa pemprosesan yang lebih cepat dan meningkatkan pengalaman pelanggan.

‘Prestasi ini dicapai melalui penyediaan transaksi yang lebih pantas, kadar pertukaran wang asing yang menjimatkan kos, aspek keselamatan yang dipertingkat dan menerusi penyelesaian khusus yang disokong oleh kepakaran global Mastercard dalam teknologi pembayaran. Ia menawarkan penyelesaian pembayaran antarabangsa lebih pantas dan boleh dipercayai, disesuaikan dengan keperluan landskap perniagaan global masa kini. Kerjasama strategik kami dengan Mastercard menandakan satu pencapaian penting dalam memajukan transformasi digital Bank Islam dan mengukuhkan lagi sektor perbankan Islam di negara ini,’ tambahnya.

“Dalam ekonomi digital yang pesat berkembang hari ini, penyediaan perkhidmatan pemindahan wang rentas sempadan yang cekap dan selamat adalah sangat penting. Bank Islam komited untuk memperkasakan pelanggan dengan penyelesaian pembayaran antarabangsa lancar yang menyokong pertumbuhan, ketangkasan dan daya saing mereka. Inisiatif ini turut mencerminkan dedikasi Bank Islam terhadap inovasi dan memperkuuh peranannya dalam menyokong ekosistem kewangan Malaysia melalui perkongsian strategik dan teknologi terkini,” ujar Sharifah Sarah lagi.

Bank Islam dan Mastercard telah bertukar perjanjian Perkhidmatan Rentas Sempadan di Persidangan Kelestarian Bank Islam yang berlangsung baru-baru ini.



Bank diwakili oleh Sharifah Sarah dan Mastercard diwakili oleh Ketua Institusi Kewangan Mastercard Malaysia, Devesh Kuwadekar. Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan Bank Islam, Dato' Mohd Muazzam Mohamed dan Ketua Setiausaha Kementerian Ekonomi, Dato' Nor Azmie Diron turut menyaksikan pertukaran tersebut.

Mastercard Move menawarkan pembiayaan yang boleh dijejaki, yuran yang telus, anggaran masa penghantaran serta pilihan pembayaran yang fleksibel termasuk ke akaun bank, dompet digital, kad atau secara tunai, kepada institusi perbankan, institusi kewangan bukan bank dan pelanggan mereka, bergantung kepada pasaran. Portfolio ini merangkumi lebih daripada 200 negara dan lebih 150 mata wang.

Sementara itu, Pengurus Negara Mastercard Malaysia dan Brunei, Beena Pothen berkata, pelaksanaan Mastercard Move oleh Bank Islam menandakan satu pencapaian penting dalam usaha Malaysia ke arah ekonomi yang lebih inklusif dan berdaya digital.

"Dengan pembayaran rentas sempadan menjadi semakin penting bagi individu, PKS dan syarikat korporat besar, Mastercard Move menawarkan cara yang pantas, selamat, dan telus untuk memindahkan dana tempatan dan antarabangsa. Kerjasama ini menyokong Ekonomi MADANI dan rangka tindakan MyDigital Malaysia dengan membolehkan pergerakan dana yang cekap serta mengukuhkan peranan negara dalam ekonomi serantau dan global. Ia mencerminkan komitmen Mastercard dalam mendorong inovasi digital dan rangkuman kewangan di seluruh Malaysia," katanya.

Mengenai Bank Islam Malaysia Berhad

Bank Islam adalah institusi perbankan Islam pertama di Malaysia yang disenaraikan di Papan Utama, Bursa Malaysia Berhad. Ditubuhkan pada bulan Julai 1983, Bank Islam mempunyai 135 cawangan dan lebih 900 terminal layan diri di seluruh negara. Sebagai institusi perbankan Islam lengkap dan tulen, Bank Islam menyediakan penyelesaian perbankan runcit dan kewangan korporat yang mematuhi undang-undang dan prinsip Syariah dengan ketat. Bank Islam komited terhadap kemakmuran lestari dan nilai-nilai ESG dan merupakan peserta rasmi Rangkaian Kompak Global Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu Malaysia dan Brunei. Anak-anak syarikat utama Kumpulan Bank Islam, BIMB Investment dan BIMB Securities menawarkan pelbagai perkhidmatan kewangan Islam, termasuk pelaburan dan pembrokeran saham. Untuk maklumat lanjut mengenai produk dan perkhidmatan kumpulan Bank Islam, layari www.bankislam.com.

Sila e-mel ke Hubungan Media Kumpulan Bank Islam di media@bankislam.com.my untuk mendapatkan maklumat tambahan.